

**ISU DAN CABARAN IBU TUNGGAL DALAM MENGHADAPI PERUBAHAN  
PERSEKITARAN GLOBAL  
(ISSUES AND CHALLENGES OF SINGLE MOTHERS IN FACING GLOBAL  
CHANGES)**

*DIYANA ISAHAK, DORIS PADMINI SELVARATNAM & NOR AINI HAJI IDRIS*

*ABSTRAK*

Globalisasi telah membawa kepada capaian maklumat yang lebih pantas, seolah-olah dunia makin dikecilkan ruangnya. Kepsatan dalam bidang ini telah memberikan pelbagai implikasi sama ada yang baik mahupun yang buruk terutamanya dalam konteks pembasmian kemiskinan di kalangan ibu tunggal. Salah satu kesan yang tidak dapat dinafikan adalah pembangunan yang tidak seimbang dan jurang perbezaan ekonomi yang semakin melebar antara kawasan dan sektor-sektor ekonomi. Hakikatnya, kemiskinan wujud di kalangan ibu tunggal apabila golongan ini tidak berupaya untuk mencapai satu tingkat kebajikan ekonomi yang sepatutnya diterima oleh masyarakat umum. Pengabaian kepada akses untuk mendapatkan sumber keperluan asas telah menyebabkan golongan ibu tunggal sering ketinggalan dan berdepan dengan masalah yang boleh menjejaskan kualiti hidup mereka. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan isu-isu dan cabaran golongan ibu tunggal dalam menghadapi persekitaran global yang mencabar dan menganalisis impaknya terhadap kelangsungan hidup ibu tunggal.

*Kata kunci:* ibu tunggal, kebajikan, persekitaran global.

*ABSTARCT*

Globalisation brings in faster information dissemination, as if the world has become smaller. Rapid development in this field has brought in various implications may it be good or bad in the context of poverty eradication among single mothers. One of the effects that cannot be denied is the imbalance in development and growing economic gap between areas and sectors of the economy. In fact, poverty among single mothers exists when this group is unable to receive a certain level of economic aid. Disregard to the accessibility for basic living resources impairs their living quality. This paper intends to discuss the issues and challenges of single mothers in facing global economic challenges and analyze its impact on their livelihood.

*Keywords:* single mother, welfare, global environment

## **1. Pengenalan**

Globalisasi cuba mengubah dunia secara praktikal dan radikal. Hubungan sosial yang wujud dalam konteks setempat semakin lenyap dan mula disusun semula merentasi waktu dan ruang. Pertumbuhan ekonomi di suatu rantau mungkin membawa kemakmuran kepada rantau di sekitarnya. Namun, pada masa yang sama ia mampu menyebabkan kemerosotan dan krisis kepada rantau lain. Kebergantungan terhadap ekonomi negara-negara maju menyebabkan negara-negara dunia ketiga sering ketinggalan dan menjadi bahan eksperimen yang tentunya membawa kepada ketidaktentuan sosioekonomi dan politik dalaman. Kemiskinan,

penindasan, kebuluran, penyakit berjangkit dan pelbagai lagi permasalahan merupakan salah satu implikasi daripada perubahan persekitaran global yang pantas berlaku. Mengikut Zawiyah dan Masnizah (2005) krisis ekonomi global, kemiskinan yang semakin parah dan rakyat di Negara Selatan yang dinafikan keperluan asas dan rakyat yang miskin di Utara serta hakisan ekologi dan budaya sepanjang abad yang lalu telah mendedahkan mitos mengenai globalisasi.

Ibu tunggal merupakan antara golongan yang kurang mendapat perhatian daripada pihak berkuasa. Dalam masyarakat Malaysia, golongan wanita yang telah berpisah atau kematian suami dikenali sebagai janda, balu atau pun ibu tunggal. Namun istilah yang akan digunakan dalam kajian ini adalah ibu tunggal. Lazimnya pelbagai liku-liku dan cabaran terpaksa dilalui oleh ibu tunggal dalam meneruskan kehidupan mereka selepas ketiadaan suami di sisi. Apatah lagi bagi mereka yang terpaksa menanggung anak-anak yang masih kecil dan anak remaja yang bermasalah. Keadaan ini akan bertambah sulit sekiranya pekerjaan tetap tidak mampu diperolehi. Kisah ini banyak kita dengar dan sering dipaparkan oleh media cetak dan media massa tetapi sejauh manakah kesedaran masyarakat dalam menghulurkan bantuan kepada golongan istimewa ini. Sebaliknya apa yang berlaku sekarang, masyarakat sering memberikan pandangan yang sinis dengan pelbagai tanggapan negatif kepada golongan ibu tunggal (Noorzila, 1997). Kebanyakan wanita yang ditinggalkan atau kematian suami dan masih mempunyai anak kecil, memilih untuk tinggal dengan keluarga mereka kerana yakin anak-anaknya akan terpelihara dengan selamat (Utusan Malaysia, 2000).

Thuaiabah *et al.* (2004), melaporkan berdasarkan laporan bancian pada tahun 2000, terdapat seramai 620,389 ibu tunggal yang berbilang kaum di negara ini. Manakala, laporan akhbar menyatakan seramai 529,701 ibu tunggal adalah balu dan 90,688 merupakan mereka yang bercerai atau hidup bercerai (Berita Harian, 2003). Kekurangan pungutan data oleh pihak berwajib terhadap bilangan ibu tunggal di seluruh negara menyukarkan penyelidik untuk mengetahui jumlah ibu tunggal terkini. Dengan jumlah ibu tunggal yang semakin meningkat dari tahun ke tahun selari dengan jumlah penceraian yang telah menjangkau angka 20,529 kes pada tahun 2007 bagi mereka yang beragama Islam manakala bilangan kes bagi kaum lain tidak dapat diperolehi. Keadaan ini cukup membimbangkan kerana ianya mampu memberikan kesan rantaian yang tinggi kepada pembentukan jiwa kanak-kanak malah institusi kekeluargaan itu sendiri akan turut terancam.

Perbincangan kertas kerja ini cuba merungkaikan beberapa isu dan cabaran yang terpaksa di tempuhi oleh golongan ibu tunggal dalam mempersiapkan diri menghadapi perubahan global. Berdepan dengan pelbagai cabaran, kehidupan sebagai ibu tunggal sememangnya memeritkan apatah lagi jika pekerjaan tetap tidak diperolehi. Beban yang terpaksa di tanggung oleh keluarga ibu tunggal ini berkali ganda lebih tinggi berbanding keluarga yang sempurna. Perubahan persekitaran global termasuk aspek globalisasi turut mempengaruhi kehidupan ibu tunggal dalam pelbagai konteks termasuklah sosioekonomi dan fizikal.

## **2. Globalisasi dan Kemiskinan di Kalangan Ibu Tnggal**

Globalisasi merupakan salah satu agen yang menyebabkan persekitaran global berlaku dengan rancaknya. Fokus diberikan kepada aspek kemiskinan yang dialami oleh ibu tunggal akibat perubahan persekitaran global. Jika dikaji rentetan daripada permasalahan sosial yang kian meruncing salah satu punca utamanya adalah perpisahan di kalangan ibu bapa atau dengan lebih tepat lagi keluarga yang mempunyai konflik. Angka penceraian yang semakin meningkat dewasa ini menjadikan permasalahan ini semakin runcing. Sungguh membimbangkan apabila terdapat banyak kes di mana perkahwinan hanya berlangsung dalam

tempoh beberapa tahun sahaja malahan hanya sesingkat tiga atau empat bulan sahaja. Kenyataannya, pertambahan bilangan ibu atau bapa tunggal akan berlaku saban tahun. Kanak-kanak akan dinafikan hak dan kasih sayang ibu bapa, kemesraan, didikan agama serta yang paling penting adalah perhatian dari kedua-dua ibu atau bapa. Keadaan ini akan berpanjangan, di mana masyarakat akan cenderung untuk mempunyai lebih banyak individu bermasalah apabila anak-anak kecil ini makin dewasa.

Keluarga ibu tunggal sering dianggap oleh masyarakat sebagai sebuah keluarga yang *abnormal* atau *dysfunctional* atau keluarga *handicap*. Ini kerana keluarga tersebut diketuai oleh ibu sahaja tanpa ada sokongan dari pihak bapa. Dengan kata lain, Azizi (2008) menyatakan, keluarga *binuclear* terbentuk akibat perceraian di mana sebuah keluarga asal terbahagi dua. Dengan itu, ia mengandungi dua keluarga nuklear; keluarga nuklear sebelah ibu (*maternal nuclear family*) diketuai oleh ibu sementara keluarga nuklear sebelah bapa (*paternal family*) diketuai oleh bapa. Setiap keluarga dianggotai anak-anak hasil dari keluarga asal, cuma diketuai oleh sama ada ibu atau bapa tunggal atau ibu bapa hasil perkahwinan kedua ibu atau bapa. Rohaty dan Muhammad (1999), mentafsirkan seseorang wanita itu sebagai ibu tunggal apabila kematian suami dan terpaksa meneruskan tugas membesarkan anak-anak atau seorang wanita yang telah bercerai dengan suaminya serta telah diberikan hak penjagaan ke atas anak-anaknya atau pun seorang wanita yang digantung tidak bertali kerana tidak diberi nafkah oleh suaminya atau pun seorang wanita yang dalam proses perceraian (yang mungkin akan mengambil masa yang panjang) dan anak-anaknya masih berada di bawah jagaannya pada waktu ini. Ibu tunggal juga termasuk seorang ibu yang mana suaminya tinggal berasingan dan tidak boleh memainkan peranan aktif sebagai bapa dalam keluarga atau suaminya uzur dan tidak boleh membantu membesarkan akan-anaknya serta memerlukan penjagaan rapi atau pun seorang ibu yang diberi tugas membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan suami. Hakikatnya, cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh ibu tunggal dewasa ini cukup mencabar ketahanan mental mahupun fizikal.

Kemiskinan, kemurungan, masalah disiplin di kalangan anak-anak, pertambahan kos hidup dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, masalah sosial dan pelbagai lagi merupakan antara isu yang terpaksa di tangani oleh ibu tunggal. Khalija (2003) menyatakan sifat semua aktiviti ekonomi yang berorientasikan keuntungan akan akhirnya meningkatkan kos hidup. Penswastan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan secara automatiknya akan membataskan akses kepada pelbagai aktiviti pendidikan dan budaya hanya kepada mereka yang kaya atau mewah. Persoalannya, bagaimana pula dengan nasib golongan yang kurang berkemampuan? Pelbagai program oleh pihak kerajaan yang menuntut penyertaan oleh segenap lapisan masyarakat terutamanya dalam aspek pembasmian kemiskinan harus dipuji. Dengan persekitaran global yang semakin menuntut perhatian dan ketahanan seseorang individu, penyertaan terhadap program yang mampu menjana pendapatan tidak harus dipandang enteng. Mengikut Laporan Bajet 2009, pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 5.7 peratus pada tahun 2004 kepada 3.6 peratus pada tahun 2007. Bilangan isi rumah miskin tegar berkurangan 43.0 peratus daripada 67,300 isi rumah kepada 38,400 isi rumah pada tempoh yang sama. Kerajaan yakin matlamat menghapuskan kemiskinan tegar akan dapat dicapai pada 2010. Kerajaan akan terus melaksanakan program meningkatkan pendapatan serta menyediakan latihan kemahiran dan kerjaya di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Selain itu, Program Lonjakan Mega Luar Bandar di Pulau Banggi, Sabah dan Tanjung Gahai, di Kuala Lipis, Pahang sedang dilaksanakan. Bagi tujuan ini, peruntukan 220 juta ringgit disediakan, yang akan memanfaatkan 13,300 isi rumah.

Banyak kajian yang dilakukan bagi melihat sejauh manakah perubahan global ini mampu atau tidak mempengaruhi ibu tunggal. Pendapatan yang rendah merupakan salah satu sebab wujudnya kemiskinan. Menurut Osman dan Abdul Majid (1988) dipetik dari Roshanim (2004), kemiskinan merupakan satu *sindrom situasi* yang meliputi unsur kekurangan makanan dan taraf kesihatan yang rendah, pendapatan yang rendah, taraf pendidikan yang rendah, pengangguran, keadaan rumah yang tidak selamat, tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan fikiran yang kolot. Mengikut Lewis (1966), kemiskinan mewakili satu cara hidup yang dicirikan oleh kekurangan partisipasi dan integrasi dengan masyarakat yang lebih besar. Ia hanya terhad kepada berdepan dengan masalah semasa dalam mencari sumber hidup, organisasi sukarela yang minimum, keupayaan yang sedikit dalam menanggukakan kegembiraan untuk masa depan, fatalisme, rasa terasing yang kuat, putus asa, atau rasa kebergantungan, rendah diri dan sebagainya.

Dalam konteks perubahan global, kajian oleh Zafiris dan Iqbal (2003) cuba mengulas impak globalisasi ke atas wanita di MENA (Middle East and North Africa) dalam konteks pasaran kerja. Perbezaan sosioekonomi penduduk di kawasan ini memungkinan berlakunya kelinan dalam stuktur pasaran kerja. Pengkaji mendapati berlakunya pemisahan dalam pasaran kerja di mana penyertaan kaum wanita dalam bidang kerja yang melibatkan kekuatan fizikal adalah antara yang terendah di dunia. Pemisahan kerja yang berlaku di MENA lebih teruk berbanding dengan negara-negara lain di dunia. Struktur globalisasi yang berlaku memungkinan keadaan ini di mana, wanita lebih terbuka dalam memilih pekerjaan yang dikehendaki. Manakala, Zawiyah dan Masnizah (2005) pula menyatakan, “proses globalisasi menyebabkan berlakunya peningkatan dalam kemiskinan dan terdapatnya jurang yang semakin meluas antara dunia kaya dan miskin. Laporan Pembangunan Dunia 2000/2001 yang dikeluarkan oleh Bank Dunia mengakui bahawa; “dunia ini dilanda kemiskinan yang teruk ditengah-tengah hasil yang melimpah ruah. Daripada jumlah penduduk dunia yang seramai 6 billion orang, 2.8 (hampir setengah) hidup dengan kurang 2 dolar Amerika sehari dan 1.2 hidup dalam kemiskinan mutlak, iaitu kurang 1 dolar Amerika sehari”.

Bagi ibu tunggal mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu yang timbul akibat perubahan global dan ianya memberikan cabaran kepada ketahanan fizikal dan mental tidak kiralah dari aspek pendidikan anak-anak mahupun keutuhan sosioekonomi keluarga mereka. Menurut Deborah J. Jones *et al.* (2003), konflik yang dialami dalam keluarga telah memberikan implikasi yang tidak baik bagi anak-anak. Penceraian antara ibu bapa telah menyebabkan beberapa permasalahan timbul seperti masalah dengan rakan sebaya, kemerosotan dalam pelajaran, sindrom kegelisahan dan sebagainya. Terdapat hubungan yang signifikan antara konflik ibu bapa dengan pembangunan anak-anak dipengaruhi oleh konteks sosioekonomi. Hasil daripada kajian ini menyokong hipotesis kajian yang sedang dilakukan oleh penulis. Kanak-kanak yang tinggal dengan keluarga yang bermasalah berkemungkinan menghadapi gejala tekanan dan perlakuan yang agresif. Keputusan menunjukkan konflik keibubapaan dikaitkan dengan penyelarasan anak kedua-duanya secara serentak dan jangka panjang. Perkaitan ini, sebahagiannya harus diketengahkan bukannya diambil ringan oleh kemahiran keibubapaan.

### **3. Ibu Tunggal di Malaysia: Isu dan Cabaran**

#### **3.1 Pendidikan dan kemahiran**

Pendidikan dan kemahiran merupakan salah satu isu dan cabaran yang penting bagi golongan ibu tunggal. Berdepan dengan persekitaran dunia yang semakin mencabar, golongan ibu

tunggal harus dibekalkan dengan ilmu yang mencukupi dan kemahiran yang mampu memberikan pulangan yang lumayan. Pendidikan merupakan aspek penting dalam kualiti hidup dan memberi sumbangan yang besar kepada pengurangan kemiskinan serta ketidaksamaan masyarakat. Tahap pendidikan yang lebih baik mempunyai kesan positif ke atas pelbagai aspek lain termasuklah kesihatan, persekitaran kerja, alam sekitar dan keluarga. Malahan, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan oleh pihak kerajaan telah diperuntukkan kepada bidang pendidikan dan kemahiran. Terdapat dua aspek yang perlu diberi penekanan iaitu; pendidikan dan kemahiran untuk ibu tunggal itu sendiri dan pendidikan dan kemahiran untuk anak-anak kepada ibu tunggal. Bajet 2009 menyatakan, sejumlah 47.7 bilion ringgit yang merupakan 23.0 peratus daripada keseluruhan bajet, diperuntukkan untuk pendidikan dan latihan. Manakala, sejumlah 2.4 bilion ringgit diperuntukkan bagi mempertingkatkan kemudahan serta menjalankan program latihan dan kemahiran. Kerajaan komited untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai minda kelas pertama sejajar dengan misi nasional. Jika diperhalusi falsasah pendidikan melalui Akta Pendidikan (1996) negara menyatakan;

*“pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkecakapan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara”*

Pihak kerajaan telah mewujudkan pelbagai program dalam usaha mengurangkan kemiskinan di kalangan ibu tunggal khususnya di kawasan luar bandar termasuklah Sabah dan Sarawak. Penekanan diberikan kepada ibu tunggal melalui pembentukan pelan tindakan strategik yang akan menggariskan program pendidikan dan latihan serta pendekatan bagi memudahkan penglibatan ibu tunggal dalam aktiviti yang menjana pendapatan (RMK-9). Salah satu daripada matlamatnya adalah bagi membolehkan ibu tunggal dapat berdikari dan berani untuk berdepan dengan perubahan persekitaran global. Ini kerana, kebanyakan ibu tunggal yang berada di luar bandar malahan bandar sekalipun mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan kemahiran yang tidak mempunyai sijil yang disahkan oleh pihak kerajaan. Perkara ini amat membimbangkan kerana pasaran kerja kini memerlukan individu yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi.

Antara bidang yang menguntungkan untuk diterokai adalah bidang perniagaan. Khalija (2003) menjelaskan, ”bagi wanita Islam, kita mempunyai Siti Khadijah r.a., seorang peniaga wanita dan isteri tersayang Nabi Muhammad s.a.w. untuk dicontohi. Selain itu terdapat sebuah hadith lain yang menyatakan bahawa 9/10 daripada rezeki kita datang daripada perniagaan. Bagi mereka yang berupaya dan cepak, kita harus mengalakkan mereka menjadi usahawan ataupun melibatkan diri dengan aktiviti perniagaan lain. Keusahawanan melibatkan pengeksploitan peluang menerusi penggunaan bahan dan bakat untuk menghasilkan sebuah produk baru ataupun menyediakan perkhidmatan baru. Kita melihat wanita melakukan banyak kerja usahawan dalam industri makanan, membuat bekas telur untuk perkahwinan Melayu, dan membuat skaf dan lain-lain. Produk ini terus berubah dari segi bentuk saiz dan warna dengan berlakunya masa. Oleh itu, wanita ini boleh menjana aktiviti yang mendatangkan wang yang boleh membantu memperbaiki kedudukan ekonomi keluarga dan

masyarakat'. Selain ilmu berniaga, ibu tunggal juga boleh mempelajari kemahiran yang lain seperti menjahit, memasak, membuat kraftangan, bertani, mendandan, mengurus dan sebagainya. Usaha untuk memantapkan kemahiran kepada ibu tunggal harus diteruskan di samping memberi lebih banyak peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Teori Modal Manusia dan pendekatan kadar pulangan telah membuktikan bahawa pendidikan berupaya meningkatkan produktiviti dan pendapatan seseorang yang selanjutnya boleh mendorong kepada pertumbuhan ekonomi. Bagi anak-anak golongan ibu tunggal, pendidikan dan kemahiran merupakan asas yang sangat penting untuk membentuk jati diri yang kuat dan sekaligus mampu menyesuaikan diri dengan perubahan semasa. Banyak kajian menjurus kepada perkaitan antara kekukuhan institusi keluarga dengan perkembangan pendidikan anak-anak dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Ini kerana, perpecahan dalam keluarga menyebabkan kestabilan emosi anak-anak akan terganggu. Apatah lagi bagi anak-anak dari kelompok ibu tunggal, perpisahan antara ibu dan bapa mendorong kepada ketidakstabilan emosi dan perlakuan. Semua tanggungjawab membesarkan anak dimainkan oleh pihak si ibu sahaja dan sekiranya ada bantuan daripada pihak si bapa sekalipun, ia cuma dalam bentuk bantuan kewangan sahaja. Amat merumitkan keadaan lagi sekiranya, ibu tunggal tersebut tidak mempunyai pendapatan dan pekerjaan yang tetap.

Zarimah dan Rozumah (2001) menyatakan persekitaran sosial keluarga mempunyai perkaitan dengan pencapaian akademik anak dan dapatan ini konsisten dengan kajian-kajian lepas. Persekitaran sosial keluarga yang berkualiti dapat merangsang perkembangan kognifi anak. Ia seterusnya, memberikan kesan positif kepada pencapaian akademik anak di sekolah. Pengkaji juga mendapati, secara keseluruhannya status sosioekonomi responden tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kualiti persekitaran sosial keluarga. Bekalan ilmu dan kemahiran tentang kehidupan amat perlu bagi membentuk daya tahan yang utuh dalam diri anak-anak. Motivasi untuk meningkatkan mutu pendidikan di kalangan anak-anak perlu datang daripada kedua-dua ibu bapa dan sokongan padu masyarakat. Model Denison (1967) menyatakan, latar belakang pendidikan adalah satu penentu yang sangat penting kepada kualiti seseorang buruh. Kualiti kerja yang seseorang mampu hasilkan adalah dipengaruhi oleh latar belakang pendidikannya. Oleh itu, setiap kanak-kanak perlu dibekalkan dengan pendidikan kelas pertama bagi menghadapi masa hadapan yang kian mencabar dan pasaran kerja yang tentunya bukan mudah untuk diperolehi.

### **3.2 Peningkatan kos hidup dan perubahan ekonomi semasa**

Pertengahan 2008 negara sekali lagi berdepan dengan krisis ekonomi yang berpunca daripada krisis sub prima di Amerika Syarikat. Malaysia tidak terkecuali menerima tempias daripada krisis ini, apabila turut mengalami penurunan dalam eksport yang tentunya memberikan kesan rantaian yang tinggi terhadap ekonomi negara. Walaupun aktiviti ekonomi di rantau Asia, terutamanya India dan China, agak menggalakkan, namun sokongan permintaan domestik di negara-negara tersebut mungkin terjejas sedikit akibat tekanan inflasi. Belumpun reda dengan isu peningkatan harga global bagi beras dan barangan keperluan lain yang tentunya akan menyebabkan peningkatan inflasi terutamanya bagi negara-negara miskin, isu kelembapan ekonomi pula perlu ditangani. Walaupun, harga minyak dunia mulai menunjukkan aliran penurunan, namun harga barangan keperluan di pasaran tempatan masih lagi tinggi dan membebankan pengguna. Keadaan ini menyebabkan kuasa beli pengguna akan mengalami penurunan dan tentunya pengguna mengambil langkah berjimat cermat dalam berbelanja. Rentetan daripada krisis yang berlaku, banyak syarikat-syarikat telah gulung tikar dan sebahagian daripada mereka terpaksa mengurangkan pengeluaran. Situasi ini cukup

membimbangkan apabila kadar pembuangan kerja terutamanya di kilang-kilang dan syarikat swasta makin bertambah di negara kita.

Peningkatan kos hidup akibat tekanan ekonomi dan inflasi yang tinggi akan membeban ibu tunggal. Sekiranya golongan ini dibuang kerja sumber pencarian rezeki mereka akan terputus dan tentunya ia akan menjejaskan seluruh ahli keluarga. Sebagai pencari rezeki yang tunggal, majoriti ibu tunggal berpendapatan kecil. Sumber kewangan yang terhad menghadkan lagi pilihan mereka. Tidak hairanlah sekiranya terdapat ibu tunggal yang terus terhimpit dalam putaran kemiskinan dan tidak mampu untuk menyediakan keperluan yang selesa kepada ahli keluarganya. Teori Maslow menyatakan, peringkat pertama yang perlu dipenuhi oleh kanak-kanak ialah keperluan fisiologi. Keperluan ini akan terpenuhi jika ekonomi keluarga dalam keadaan stabil. Menurut Tang Chee Yee (1989) dikutip dari Azizi (2008), keluarga yang berada dapat memberikan keperluan fisiologi yang sempurna dan keperluan ini akan dapat menjamin pertumbuhan dan perkembangan fizikal dan mental yang positif serta dapat membantu pembentukan sifat-sifat peribadi individu. Manakala keluarga yang miskin, anak-anaknya kurang mendapat pemakanan yang berzat. Kekurangan makanan yang berzat akan mengakibatkan kemerosotan pertumbuhan dan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak. Ini kemungkinan akan mengakibatkan pembentukan sifat-sifat yang negatif. Pemakanan juga mempengaruhi emosi kanak-kanak. Keluarga yang dipandang tinggi dari segi ekonomi dan sosial juga akan dipandang tinggi sehingga memberi peluang kanak-kanak untuk memiliki perasaan terjamin dan membentuk sifat-sifat positif dalam mindanya.

### **3.3 Masalah sosial dan disiplin anak-anak**

Masalah sosial dan disiplin anak-anak merupakan antara isu serta cabaran yang terpenting perlu ditangani oleh ibu tunggal. Perubahan persekitaran global yang agak deras berlaku menuntut perhatian dan ketelitian ibu tunggal bagi memilih corak hidup yang terbaik untuk anak mereka. Seperti yang sedia maklum, kehidupan kanak-kanak dicorakkan oleh ibu bapanya. Sekiranya corak yang dibina itu cantik, maka cantiklah hasilnya dan sekiranya buruk reka bentuknya, maka buruklah perlakuan anak-anak tersebut. Keluarga yang sering bertengkar, bergaduh dan kurang mesra, tidak menaruh minat terhadap anak-anak, bercerai, terdapat kematian dan perpisahan akan membawa kepada ketidakstabilan emosi dan penyesuaian kanak-kanak. Keluarga dan ahli keluarga yang mesra, demokratik dan ibu bapa yang memenuhi keperluan kanak-kanak akan meningkatkan penyesuaian kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak yang melihat dirinya diterima oleh ibu bapanya akan menunjukkan aspirasi yang lebih tinggi, ketabahan dan ketekunan. Wan Azmi (1987) menjelaskan, perkahwinan yang tidak bahagia atau perceraian menimbulkan kebingungan kepada kanak-kanak. Pertengkaran di hadapan anak-anak serta peraturan disiplin yang tidak baik juga mendatangkan kesan yang sama. Anak tersebut akan menjadi langsung menyimpan hasrat untuk membalas dendam pada ibu bapa mereka, berasa tertekan, marah dan sering tidak bahagia. Akhirnya, mereka akan mencari jalan mudah untuk melepaskan rasa marah dan ketidakpuasan hati dengan melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral. Situasi ini memberikan cabaran hebat kepada ibu tunggal kerana, pembentukan jiwa anak-anak perlu bermula dari awal dan setiap masalah yang berlaku dalam perhubungan dengan anak-anak perlu ditangani secara berhemah.

Jika diperhalusi, perubahan persekitaran global banyak mempengaruhi perubahan sikap dan cara hidup seseorang remaja. Golongan remaja kini, hampir sebahagian besarnya sudah terdedah dalam proses globalisasi sosiobudaya. Melalui pelbagai saluran, golongan belia ini, akan mendapat akses dan terus menjadi sasaran utama globalisasi yang didalangi oleh syarikat-syarikat multinasional dan transnasional. Adalah tidak mengejutkan sekiranya, sistem

sosiobudaya masyarakat muda kini sudah dirungkai sehingga segala nilai tradisi sedang melalui proses penghakisan yang amat ketara. Tidak dapat dinafikan apabila remaja kini semakin menunjukkan bahawa akar budaya, bangsa dan agama yang dipegang utuh selama ini akan tercabut begitu sahaja. Malah, dalam keghairahan untuk mengejar gaya hidup global yang ditandai oleh pelbagai ciri kehidupan barat, remaja secara umumnya sudah tidak merasa bersalah untuk meniru secara bulat budaya hidup barat. Cukup membimbangkan apabila gejala ini turut melanda anak-anak remaja golongan ibu tunggal. Kekangan tugas dan peranan sebagai tonggak utama keluarga memungkinkan pembahagian masa yang tidak mencukupi untuk anak-anak. Lantaran itu, perhatian dan kasih sayang yang dituntut oleh golongan remaja ini akan diisi bersama rakan sebaya dan persekitaran mereka. Jika perubahan ini tidak mampu disadari oleh ibu tunggal, maka rosaklah masa hadapan pewaris generasi muda negara.

Maslow menyatakan, kekurangan perhubungan kasih sayang menjadi punca kecelaruan personaliti yang mungkin melibatkan tingkah laku agresif dan anti-sosial seseorang individu. Salah satu kajian terhadap delikueni remaja mendapati bahawa remaja yang terlibat dengan perlakuan delinkuen ada hubungan dengan jenis keluarga yang bercerai atau berpisah (Shoba, 2008). Manakala, kajian yang dijalankan oleh Sheldon *et al.* (1985) di kutip oleh Shoba (2008) memperincikan mengenai kenakalan remaja yang dikaitkan dengan beberapa kategori rumah tangga atau dengan lebih tepat lagi bagi keluarga yang berpisah. Remaja yang nakal relatifnya bermungkinan berasal daripada keluarga yang bercerai. Ini kerana kenakalan remaja lahir daripada perkembangan mental yang tidak sihat dan sukar membuat keputusan yang rasional. Justeru, masalah sosial dan disiplin anak-anak perlu ditangani sebaiknya oleh ibu tunggal dengan pendekatan yang lembut dan berhemah. Masyarakat juga perlu memainkan peranan sebaik mungkin bagi memastikan golongan ini sentiasa dibantu dan dapat menjalani kehidupan secara normal.

### 3.4 Pengurusan emosi

Tekanan perasaan mampu menyumbang kepada ketidakstabilan emosi bagi golongan ibu tunggal dan anak-anak mereka. Keseimbangan dan kestabilan emosi amat penting bagi ibu tunggal terutamanya dalam konteks pembesaran anak-anak dan kesediaan untuk berdepan dengan perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa. Bagi ibu tunggal yang kehilangan suami akibat kematian, mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan situasi yang baru atau dengan kata lain kehilangan tempat bergantung, orang yang dicintai, teman suka dan duka. Manakala, bagi mereka yang bercerai pula, mereka terpaksa mengisi 'kekosongan' yang ditinggalkan oleh bekas suami. Ini bermakna, mereka terpaksa memainkan peranan sebagai ibu dan juga bapa. Menambahkan lagi tekanan golongan ini sekiranya pihak bekas suami tidak membayar nafkah bagi membantu menyara anak-anak. Keadaan ini akan menjadi lebih teruk sekiranya ibu tunggal menghadapi masalah dengan pihak mahkamah semasa membuat tuntutan nafkah mahupun harta sepencarian. Proses penceraian, tuntutan nafkah, harta dan sebagainya yang mengambil masa panjang akan menambahkan lagi kos di samping terpaksa berdepan dengan prosedur yang merumitkan. Oleh itu, ibu tunggal perlu bersedia dan kuat untuk menghadapi situasi sebegini. Cabaran yang besar untuk ibu tunggal membentuk sistem dan pengurusan emosi yang baik supaya masalah-masalah sebegini tidak melemahkan mereka dan anak-anak.

Dalam konteks anak-anak, perpisahan mahupun kematian bapa akan menimbulkan konflik dalam jiwa mereka. Jika tidak diperhalusi dan dibentuk dengan baik, ia mungkin menyebabkan anak-anak kerap memberontak di mana ia merupakan salah satu medium bagi mereka meluahkan perasaan. Azizi (2008), menjelaskan mengenai emosi akan menyebabkan keadaan tidak seimbang daripada segi fizikal dan akan menjejaskan tingkahlaku kanak-kanak



tersebut. Tindakbalas seseorang kanak-kanak terhadap sesuatu rangsangan akan menimbulkan sesuatu emosi dan bergantung kepada pengalamannya yang lalu. Emosi tersebut akan mempengaruhi cara-cara penyesuaian dirinya. Setengah-tengah kanak-kanak telah belajar menyatakan emosi mereka serta merta dan ada pula yang belajar menghalang dan menyekat emosi mereka tetapi akan mengeluarkan perasaan geram itu pada suatu masa yang lebih sesuai. Apabila seseorang kanak-kanak itu meluahkan perasaannya, ia sering dikatakan sebagai tidak matang oleh orang lain. Sebaliknya jika emosi geramnya itu dipendam ia akan merasa murung dan ini akan menyebabkannya menjadi lebih biadab, lekas marah, bengis, tidak mahu bekerjasama dan merenung tentang dirinya sendiri.

Tekanan emosi yang tinggi akan menyebabkan kanak-kanak itu merasa gelisah, gentar dan kurang senang. Emosi dominan yang dialami oleh kanak-kanak biasanya lebih mempengaruhi personaliti kanak-kanak jika dibandingkan dengan emosi ketegangan yang menyeluruh. Persekitaran pula sering menggalakkan pola-pola emosi yang tidak baik. Sebagai contoh perasaan risau atau susah hati yang terlalu banyak dan selalu akan melemahkan keyakinan kendirinya. Orang dewasa pula akan menilai tingkahlaku kanak-kanak dengan cara yang positif apabila kanak-kanak tersebut menyekat atau mengawal perasaannya yang meluap.

Kajian oleh Jeanne (2003) cuba membincangkan kesan penceraian serta faktor yang mampu menyumbang kepada permasalahan psikologi. Beliau melihat kepada kesan positif dan negatif dari penceraian ibu bapa. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada punca penceraian, antaranya termasuk fungsi kawasan, kemelesetan, permusuhan, pemabuk (penggunaan alkohol) dan kesejahteraan. Perbezaan penjagaan ibu dan bapa dinilai berdasarkan satu siri herarki yang digunakan untuk menilai faktor-faktor yang telah membantu kedua-dua kumpulan tersebut (ibu dan bapa). Jika dibandingkan penjagaan ibu dengan bapa, kebanyakan kaum ibu adalah lebih muda, kurang berpendapatan dan lebih banyak mengalami masalah ekonomi. Dari segi fungsi kawasan, pendapatan dan permusuhan, kaum ibu lebih terdedah kepada situasi tersebut, namun sebaliknya bagi penggunaan alkohol, kaum ibu kurang terdedah dengan masalah ini. Oleh itu, isu penceraian tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan permasalahan emosi antara anak-anak dan ibu itu sendiri. Pengurusan emosi yang baik mampu memberi ruang dan peluang bagi ibu tunggal untuk mengambil tindakan yang bijak dalam membuat sesuatu keputusan.

#### **4. Program-Program Khusus untuk Ibu Tunggal**

Di bawah RMK-9, pelaksanaan program pembangunan keluarga dan masyarakat telah diberikan perhatian yang khusus bagi tujuan membina keluarga yang berdaya tahan bagi mencapai keseimbangan yang optimum antara pertumbuhan kebendaan dan pembangunan masyarakat. Sehubungan ini, usaha ke arah memperkukuh unit kekeluargaan, meningkatkan penyertaan masyarakat dan peranan masyarakat umum serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) ke arah memupuk masyarakat yang lebih bertolak ansur dan penyayang akan dilaksanakan. Malah kerajaan telah lama mengiktiraf sumbangan wanita dalam pembangunan negara tidak kiralah dalam bidang pertanian, pendidikan, pembuatan mahupun pelancongan. Dasar Wanita Negara (DWN) telah dibentuk oleh pihak kerajaan di mana, penyertaan wanita dalam proses pembangunan negara telah dibuka seluas-luasnya oleh pihak kerajaan dengan memberi ruang serta peluang bagi wanita menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik. Beberapa institusi telah ditubuhkan untuk mengintegrasikan wanita ke dalam aliran utama pembangunan. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) di

Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 1976 bagi menterjemahkan pelan tindakan sedunia mengenai wanita dalam pembangunan negara.

Pada tahun 1983, Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah ditubuhkan untuk mengawasi dan menilai perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh sektor awam dan swasta bagi faedah kaum wanita. Selain daripada bertindak sebagai pusat maklumat utama mengenai hal ehwal wanita, HAWA juga berfungsi sebagai urusetia kepada NACIWID. Sistem penyampaian pelbagai perkhidmatan sokongan untuk wanita telah diperkukuhkan lagi melalui aktiviti organisasi-organisasi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah. Penubuhan sebuah agensi amanah bukan kerajaan iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) turut membantu mempertingkatkan penyertaan kaum wanita terutamanya di luar bandar di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi bukan ladang. Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain juga memainkan peranan yang penting ke arah meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial. NGO seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO), Perkumpulan Wanita (WI), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Pertubuhan Bantuan Wanita Islam dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam serta pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain telah menyediakan berbagai program pembangunan berbentuk jaya diri dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain.

Penekanan khusus akan diberikan kepada ibu tunggal melalui pembentukan pelan tindakan strategik yang akan menggariskan program pendidikan dan latihan serta pendekatan bagi memudahkan penglibatan ibu tunggal dalam aktiviti yang menjanakan pendapatan. Menerusi pendekatan ini, program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) akan diperkenalkan untuk meningkatkan kemahiran ibu tunggal. I-KIT yang memberikan tumpuan kepada tujuh bidang kemahiran, iaitu jahitan, kraf tangan, pelancongan, terapi kecantikan, perniagaan, keusahawanan dan penjagaan kanak-kanak. Manakala, Program Anak Angkat akan dilaksanakan melalui perkongsian pintar dengan sektor swasta. Di bawah program ini, syarikat swasta akan digalakkan untuk menyediakan sokongan kewangan bagi pendidikan anak kepada ibu tunggal. Kerajaan akan melengkapkan usaha tersebut dengan menyediakan insentif dalam bentuk rebat cukai kepada syarikat terlibat. Usaha bersepadu akan diambil untuk memupuk perpaduan dan integrasi yang lebih kukuh di kalangan rakyat Malaysia bagi memastikan kestabilan sosial.

Selain I-KIT beberapa program yang berkapasiti besar juga dilancar di seluruh negara bagi membantu ibu tunggal menjalani kehidupan dengan lebih baik. Antara program yang dilancarkan oleh pihak kerajaan adalah Program Jejari Bestari Dan Inspirasi Kreatif yang diadakan berdasarkan kawasan parlimen dengan penekanan lebih kepada aktiviti jahitan, pembuatan aksesori dan sulaman; Program Bersama Wanita Orang Asli; Projek Tanaman Bunga Melur di mana program tani niaga ini menyediakan bunga melur bagi industri teh herba; Program '*small office-home office*' yang membolehkan wanita mempelajari kemahiran selama tiga bulan dan mereka berpeluang untuk bekerja sendiri di rumah tanpa kekangan masa; Program '*home managers*' yang menerapkan dan mengajar wanita tentang semua teknik dan cara menguruskan rumah dengan baik serta profesional; dan pelbagai program lain lagi yang tentunya membawa manfaat kepada wanita khususnya ibu tunggal.

Penyusunan pelbagai program oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak lain yang peka terhadap isu kemiskinan di kalangan ibu tunggal amatlah perlu. Rata-rata matlamatnya adalah sama iaitu bagi membasmi kemiskinan dan melengkapkan ibu tunggal dengan pelbagai kemahiran supaya mereka mampu berdikari untuk kelangsungan hidup. Menterinya, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, kementerian melihat bidang asuhan kanak-kanak berpotensi sebagai

pekerjaan yang mampu berkembang dan memberi sumber pendapatan kepada ibu tunggal kerana ada di kalangan mereka tiada tempat bergantung dan ramai juga yang menganggur walaupun mempunyai ijazah atau diploma. Program I-KIT adalah program teras di bawah kementerian itu bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup ibu tunggal menerusi RMK-9 di bawah Jabatan Pembangunan Wanita. Kementerian juga mengagihkan peruntukan bagi membiayai program pembangunan ibu tunggal melalui peruntukan bantuan khas kepada NGO wanita yang memohon. Sepanjang 2001 hingga 2007, RM4.7 juta diperuntukkan untuk manfaat 39,729 ibu tunggal di seluruh negara.

## 5. Penilaian Program

Aspek penilaian program masih lagi kurang dikaji di negara ini. Hal ini amat merugikan kerana, keberkesanan dan keupayaan sesuatu program membantu ibu tunggal tidak dapat dipastikan dengan tepat. Perkara ini telah diperakui sendiri oleh pihak Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Sewajarnya, perkara ini tidak berlaku kerana, penilaian program bermaksud satu kajian yang khusus dilakukan bagi meninjau sejauh manakah keberkesanan dan pelaksanaan program-program yang dibuat mampu untuk membantu ibu tunggal. Menyorot RMK-9, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai agensi peneraju akan terus melaksanakan program untuk memajukan lagi wanita. Usaha tersebut akan dilengkapkan dengan penyertaan kementerian utama yang lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta sektor swasta dan NGO. Gabungan pelbagai agensi ini sepatutnya mempunyai perancangan yang teliti termasuklah analisa selepas program-program dilaksanakan.

Satu kajian analisis keperluan latihan di kalangan ibu tunggal perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti keperluan mendesak yang dihadapi oleh ibu tunggal di negara ini bagi meneruskan hidup dalam bidang yang diceburi. Kajian di peringkat negeri atau kebangsaan perlu dilakukan kerana masalah yang dihadapi oleh mereka berbeza mengikut kawasan, masa dan latar belakang. Pihak kerajaan dan swasta yang terlibat seharusnya membuat satu kajian terperinci bagi menentukan jenis dan bentuk latihan yang benar-benar diperlukan oleh golongan ibu tunggal. Ini penting kerana jika ibu tunggal tidak diberikan latihan mengikut keperluan dan kesesuaian, maka latihan tersebut tidak akan mendatangkan sebarang kesan yang positif apatah lagi membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Dalam aspek yang lain, ia juga turut mengakibatkan pembaziran dari segi kewangan, masa dan tenaga.

Oleh itu, satu pendekatan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi membantu dan memantau setiap aktiviti mahupun kehidupan ibu tunggal. Kajian oleh [Thuaiabah \(2004\)](#) mendapati, berdasarkan hasil analisis yang telah dikemukakan, didapati bahawa penglibatan golongan ibu tunggal dalam bidang perniagaan adalah tinggi. Namun ianya hanya terbatas kepada perniagaan secara kecil-kecilan. Mereka menceburi bidang perniagaan semata-mata kerana ingin mendapatkan pendapatan untuk menyara kehidupan atau pun sebagai pendapatan sampingan untuk meningkatkan taraf hidup selepas kematian atau berpisah dengan suami. Tuntasnya, pengkaji tidak dapat mengetahui sejauh manakah program-program yang dilaksanakan selama ini berjaya atau tidak. Hal ini berlaku kerana, pihak kementerian dan pihak lain masih tidak mampu untuk melaksanakan kajian berhubung penilaian program.

## 6. Rumusan dan Implikasi Dasar

Kaum wanita khasnya ibu tunggal mempunyai *capability* dan *capacity* dalam menyumbangkan sumber tenaga, fikiran dan material kepada pembangunan negara.

Perubahan persekitaran global yang berlaku dengan pantas menuntut kerjasama semua pihak bagi menghadapi situasi mendatang yang tentunya lebih mencabar. Ibu tunggal juga tidak terlepas daripada berdepan dengan perubahan persekitaran global. Mahu atau tidak, cabaran dan isu-isu yang menuntut perhatian dan penyelesaian harus ditangani sebaik mungkin. Hakikatnya, cabaran inilah yang membantu mendewasakan serta menjadikan mereka lebih berdikari dan berdaya tahan. Ibu tunggal harus sedar bahawa, konflik antara individu sukar dielakkan, termasuklah dalam keluarga sendiri. Cara untuk mengekalkan hubungan yang sihat dengan anak-anak dan ahli keluarga yang lain adalah dengan memberikan perhatian kepada cara bagaimana konflik itu ditangani. Apatah lagi untuk berdepan dengan stigma atau anggapan buruk masyarakat terhadap mereka yang bergelar janda. Ia merupakan hambatan mental yang terbesar untuk mereka bergerak bebas dalam masyarakat. Pengambilalihan tugas-tugas suami di samping melaksanakan tugas yang sedia ada sebagai ibu, seringkali menimbulkan konflik peranan kepada golongan ini, sedangkan sokongan bagi mereka, baik dari segi kewangan, mahupun emosi amat sedikit sekali.

Selain pinjaman kewangan atau modal, khidmat latihan dan nasihat juga amat perlu kepada golongan ibu tunggal. Ini kerana dengan adanya latihan yang betul dan mencukupi, pengetahuan serta kemahiran peluang untuk memulakan sesuatu perniagaan dapat ditingkatkan sekaligus menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam pasaran perniagaan yang semakin global dan mencabar. Pihak kerajaan khususnya menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pembangunan Wanita disaran agar menggiatkan lagi usaha dan mencari formula terbaik untuk membantu golongan ibu tunggal khasnya kaum bumiputera. Langkah paling penting dan utama perlu dilakukan oleh kerajaan untuk membantu ibu tunggal ialah dengan membuat bancian bilangan mereka yang benar-benar berstatus ibu tunggal dan bilangan mereka yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan di seluruh negara. Pengumpulan data amat perlu bagi memudahkan penyaluran sumber dan mengelakkan berlakunya pembaziran.

Persatuan ibu tunggal di peringkat kawasan pula perlu memainkan peranan aktif agar setiap bentuk bantuan yang disalurkan tidak sia-sia begitu sahaja. Sekiranya mereka bersatu, peluang untuk membina rangkaian perniagaan dan perkhidmatan yang lebih luas akan terbuka. Ini kerana, bagi menjana pendapatan yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi, ibu tunggal perlu lebih kreatif dan cekap untuk membina jaringan pasaran. Kewujudan persatuan juga mampu untuk membantu menguruskan emosi dengan lebih baik melalui perbincangan dan luahan perasaan sesama ahli. Penyelesaian bagi setiap permasalahan mampu untuk dirungkaikan kerana majoriti ibu tunggal menghadapi masalah yang sama. Golongan ibu tunggal perlu lebih terbuka dan menerima setiap permasalahan dengan hati yang tabah. Bersifat menyendiri bukanlah satu penyelesaian yang baik, mereka harus bangkit untuk memperjuangkan hak dan keperluan mereka kepada pihak kerajaan mahupun pihak-pihak lain. Manakala, masyarakat pula perlu lebih sensitif terhadap isu ini kerana ia melibatkan aspek kebajikan dan tanggungjawab bersama. Tuntasnya, ibu tunggal harus bersedia untuk berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam menghadapi perubahan persekitaran global.

## Rujukan

- Azizi Hj. Yahaya. 2008. *Pembentukan Personaliti Remaja*. Johor: Sekudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Berita Harian. 2003. *Usaha Lindungi, Tingkat Status Ibu Tunggal*. 4 April 2003. 4 April.
- Deborah J. Jones *et al.* 2003. Co Parent Conflict In Single Mother-Headed African American Families: Do Parenting Skills Serve As A Mediator Of Child Psychosocial Adjustment?. *Behavior Therapy*. Vol 34: Page 259-272.
- Denison, E.F. 1967. *Why Growth Rates Differ: Post War Experience in Nine Western Countries*. Brooking: Washington DC.
- Jeanne M. Hilton *et al.* 2003. Economic and Non-Economic Factors Contributing To Psychological Adjustment Among Divorced Custodial Parents. *Paper Of The Western Family Economics Association*. Vol 18.
- K. Shoba A/P C. Karuppaya. 2008. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor*. Kertas projek Universiti Teknologi Malaysia, Sekudai, Johor.
- Khalijah Mohd Salleh. 2003. *Peranan Wanita Islam dalam Menghadapi Cabaran Globalisasi*. Atas Talian [http://www.bernama.com/events/ulama/rpp.shtml?km/km\\_khalijah](http://www.bernama.com/events/ulama/rpp.shtml?km/km_khalijah). (Akses Mac 2009).
- Khaulah. 2006. *Peranan Wanita Dalam Era Globalisasi*. Atas Talian <http://members.sitegadgets.com/brachiocephalic/board/2.html>. (Akses Mac 2009).
- Laman Informasi Islam. Atas talian <http://www.islam.gov.my/informasi/>. (Akses Mac 2009).
- Lewis, Oscar. 1966. *La Vida: A Puerto Rican Family in Culture Of Poverty*. San Juan And New York: Random House.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Noorzila Jamaludin. 1997. Hak-Hak Janda dalam Islam. *Majalah Al-Islam*. Ogos : 6-7.
- Rohaty Mohd Majzud dan Muhammad Rais Abd. Karim. 1999. *Ibu Tunggal Menelusuri Rintangan Hidup dengan Keyakinan*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Roshanim Koris. 2004. *Komuniti Pulau, Kemiskinan dan Impak Pelancongan: Kajian Kes di Pulau Redang, Terengganu*. 4th International Malaysian Studies Conference, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 3-5 Ogos
- Thuaiabah @ Suaibah Abu Bakar *et al.* 2004. *Aktiviti Keusahawanan di Kalangan Ibu Tunggal di Negeri Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Utusan Malaysia. 2000. *Ibu Tunggal Kekuatan Diri Penentu Keputusan*. 7 Ogos.
- Wan Azmi Ramli. 1987. *Membina Keluarga Sejahtera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zafiris Tzannatos dan Iqbal Kaur. 2003. "Women In The MENA Labor Market: An Eclectic Survey". Dalam Eleanor Abdella Doumato dan Marsha Pripstein Posusney, *Women and Globalization in The Middle East-Gender, Economy and Society*. London: Lynne Rienner Publisher, Inc.
- Zarimah Arshat dan Rozumah Baharudin. 2001. *Kualiti Persekitaran Sosial Keluarga dan Pencapaian Akademik Anak*. Terbitan UUM (Sps). Vol. 2.
- Zawiyah Mohammad Yusof dan Masnizah Mohd. 2005. *Sains Sosial dan Teknologi Maklumat, Edisi Kedua*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn.Bhd.